

<b>NAMA INOVASI</b>	<b>SISTEM PEMANTAUAN OSC 3.0</b>
<b>LATAR BELAKANG PROJEK</b>	<p>Seksyen Pusat Setempat (OSC) berperanan menyelaraskan dan memproses penerimaan kira-kira 150 permohonan pemajuan sebulan. Tugas tersebut merangkumi 6 proses utama iaitu Proses 1 (Pra-Rundingan), Proses 2 (Pertimbangan dan Kelulusan), Proses 3 (Pemberitahuan Mula Kerja), Proses 4 (Pemeriksaan Interim), Proses 5 (Pemeriksaan Akhir) dan Proses 6 (Pendepositan CCC (Borang F) dan Borang G) selaras dengan Manual OSC 3.0 yang diperkenalkan oleh KPKT pada 29 Mei 2014. Pelaksanaan Manual OSC 3.0 di PPj bermula pada 1 Jun 2014.</p> <p>Seksyen OSC PPj menghadapi kesukaran memantau fasa pembangunan selaras keperluan Manual OSC 3.0 tersebut. Pelbagai sistem telah dibangunkan oleh Perbadanan Putrajaya seperti ES, Sumber Putra, OSMON, ESKL, PERMIT dari tahun 2000. Namun sistem sediaada tiada integrasi antara sistem-sistem tersebut dan tiada fungsi pemantauan.</p>
<b>PUNCA UTAMA MASALAH</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sistem tidak stabil</li> <li>2. Sistem tidak mesra pengguna</li> <li>3. Aliran kerja dalam sistem sedia ada yang rumit</li> <li>4. Sistem diakses melalui antaramuka dan laman yang berbeza-beza</li> <li>5. Fungsi pemantauan tiada dalam sistem sedia ada</li> <li>6. Capaian sistem terhadap kepada Intranet</li> <li>7. Pemantauan secara manual</li> <li>8. Terlalu bergantung kepada Bahagian Teknologi Maklumat untuk operasi harian</li> </ol>
<b>CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF &amp; KREATIF</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mewujudkan sistem baharu <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Menggabungkan semua sistem sedia ada ke dalam satu sistem baharu yang boleh dicapai dimana jua melalui Internet.</li> <li>b. Memindahkan data dari sistem lama kepada sistem baharu.</li> </ol> </li> <li>2. Meningkatkan pemantauan bagi Proses 2 di dalam sistem baharu mewujudkan sistem baharu yang mempunyai keupayaan pemantauan bagi Proses 3, Proses 4, Proses 5 dan Proses 6. Bagi menyelesaikan masalah ini Kumpulan OSCXpert telah berjaya membangunkan Sistem Pemantauan OSC 3.0 PPj pada 17 November 2017.</li> </ol>

<p><b>TANDA ARAS</b></p>	<p>Inisiatif tanda aras telah dilakukan dengan penganjuran Kolokium bagi Perkongsian Pengalaman pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Manjung (MPM) pada 9 November 2016. Hasil kolokium ini PPj berjaya meningkatkan pemahaman kumpulan terhadap operasi sebenar manual OSC 3.0 di PBT</p>
<p><b>PENCAPAIAN PROJEK &amp; PENCIPTAAN NILAI</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pemantauan bagi Proses 2 hingga 6 dapat dilakukan sepenuhnya melalui sistem.</li> <li>2. Mengurangkan tempoh masa pemantauan fasa pembangunan sehingga 97.9% (Penjimatan masa : 20.6 hari )</li> <li>3. Sistem diakses melalui antaramuka dan laman yang sama iaitu <a href="https://osc.ppj.gov.my">https://osc.ppj.gov.my</a> – sistem yang stabil, mesra pengguna dan boleh dicapai di mana jua pada bila-bila masa.</li> <li>4. Semua jenis permohonan untuk Proses 2 (Pertimbangan dan Kelulusan) adalah 100% di atas talian .</li> <li>5. Jumlah penjimatan kos: RM 4.08 juta setahun ( Penjimatan penggunaan hardcopy untuk mesyuarat dan penghantaran permohonan (pelan dan laporan cadangan pemajuan), pengurangan kakitangan, pengurangan tuntutan kerja lebih masa dan lain-lain).</li> <li>6. Berjaya memendekkan tempoh piagam pelanggan dari 53 hari kepada 48 hari bagi permohonan Serentak Berskala besar (keluasan 1.5 ekar dan ke atas)</li> <li>7. Sistem ini memberi manfaat kepada Perunding, Pemilik, Pemaju, kontraktor dan Agensi Teknikal Luar (Bomba, SYABAS, dan lain-lain).</li> </ol>
<p><b>ANUGERAH, PENGHARGAAN &amp; PENGIKTIRAFAN</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Konvensyen Team Excellence Wilayah Utara (RTEx) 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Utara. <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Anugerah Emas</li> </ol> </li> </ol> <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;">   </div>

2. Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan (NTEx) Sempena Annual Productivity And Innovation Conference & Expositions (APIC) 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia


- i. Johan Sektor Awam Negeri
- ii. Anugerah Emas (5 Bintang)
- iii. 20 Kumpulan terbaik Sektor Awam Negeri



3. PPj dilantik oleh KPKT untuk membangunkan **Sistem OSC 3 Plus Online** yang berasaskan **Sistem Pemantauan 3.0 PPj**. Sistem OSC 3 Plus Online akan digunakan oleh 10 PBT perintis di Semenanjung Malaysia untuk Fasa 1. Memorandum Perjanjian (MOA) diantara KPKT, PPj dan CIDB telah dimeterai pada 17 April 2019. Projek ini menjana pendapatan sebanyak **RM 0.54 juta** kepada PPj.

PBT Perintis yang terlibat adalah :

1. Majlis Bandaraya Ipoh (MBI)
2. Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS)
3. Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP)
4. Majlis Perbandaran Dungun (MPD)
5. Majlis Perbandaran Kuantan (MPK)
6. Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
7. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)
8. Majlis Perbandaran Nilai (MPN)
9. Majlis Daerah Rembau (MDR)
10. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)



4. Anugerah AIM - Future Cities Award 2020 Kategori Future Government Award bagi Sistem Pemantauan OSC 3.0 Sempena Penganjuran AIM Digital Dubai.



5. 46<sup>th</sup> International Convention On Quality Control Circles (ICQCC) Hyderabad, India 2021.
- i. Anugerah Par Excellence



# GAMBAR PROJEK INOVASI

EN | MS FAQ KALENDAR Pemohon (SP) Kakitangan Agensi

**PERBADANAN PUTRAJAYA**  
Agensi Di Bawah Kementerian Wilayah Persekutuan

Laman Utama Kebeharan Merancang Bangunan Landskap Ubahsuai Infra Permit

**BERITA** **PENGUMUMAN**

**PENGEMUKAAN SALINAN SIJIL PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CCC) SECARA ATAS TALIAN (BORANG FIF1 DAN BORANG-BORANG G1-G21)**  
Dikemaskini pada 11-04-2019 4:41 PM  
[Baca selanjutnya...](#)

**KEPERLUAN BORANG SEMAKAN PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM SWCORP**  
Dikemaskini pada 14-03-2019 4:41 PM  
[Baca selanjutnya...](#)

**'RUNNER' TIDAK DIGALAKKAN MEMBUAT PENGEMUKAAN PERMOHONAN CADANGAN PEMAJUAN**  
Dikemaskini pada 14-03-2019 4:24 PM  
[Baca selanjutnya...](#)



**ARAHAN MELETAKKAN NO PERMOHONAN PADA SEMUA SURAT EDARAN**  
Dikemaskini pada 21-02-2019 12:09 PM  
[Baca selanjutnya...](#)

**Perhatian kepada semua Pemohon (SP)**  
Dimaklumkan bahawa semua pembayaran perlu dibuat dalam tempoh 7 hari bekerja bermula dari tarikh permohonan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan permohonan anda ditamatkan. Anda mesti menghantar semula permohonan anda sebagai permohonan baru selepas penamatan.  
Sila pastikan butiran akaun anda seperti alamat, nombor telefon, nombor faks dan e-mel dikemaskini sepanjang masa terutamanya sebelum anda membuat apa-apa permohonan.

**SEMAKAN PERINGKAT PERMOHONAN**  
Masukkan No. Permohonan  
Contoh : KPBA20170101-001

**JUMLAH TRANSAKSI ONLINE 2019**

Bulan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
K.Merancang	9	5	9	16	12	0	0	0	0	0	0	0
Bangunan	10	17	20	12	12	0	0	0	0	0	0	0
Landskap	1	1	4	1	1	0	0	0	0	0	0	0
Ubahsuai	21	15	28	25	18	2	0	0	0	0	0	0
Infra	8	7	6	4	7	0	0	0	0	0	0	0
Permit	78	47	90	37	43	5	0	0	0	0	0	0



**GAMBAR AHLI  
KUMPULAN**

